

KUNJUNGAN HAJAH PAIZA IDRIS DI PTAR, SHAH ALAM 2 JUN 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Sumbangan dan jasa peneraju PTAR amat disanjung tinggi. Peneraju PTAR telah meletakkan asas yang kukuh sehingga memacu kecemerlangan PTAR pada hari ini. Ianya menjadi suatu inspirasi dan pendorong untuk warga PTAR terus menyumbang khidmat bakti demi kemajuan bangsa dan negara.

Pada 2 Jun 2022 jam 9.30 pagi, PTAR amat berbesar hati menerima kunjungan bekas Ketua Pustakawan iaitu Puan Hajah Paiza Idris bersama-sama bekas Pustakawan PTAR Puan Mariana Md. Som.

Selama tempoh masa dua jam kunjungan itu, Puan Hajah Paiza dan Puan Mariana telah diiringi oleh staf Bahagian Komunikasi Korporat, PTAR melawat persekitaran PTAR di aras 1, aras 2 dan aras 3.

Di aras 1, kedua-duanya telah melawat Jabatan Perancangan dan Pembangunan Perpustakaan (JPnP) dan disambut oleh Ketua Jabatan dan staf JPnP iaitu Encik Ahamad Zuber Mohamed, Dr. Hajah Zalifah Awang Zakaria dan Puan Aznur Umiza Abu Kasim. Dalam perjumpaan singkat itu dikongsikan fungsi terkini JPnP dan perubahan-perubahan yang dialami. Di aras ini, turut di bawa keduanya melawat sekitar Bilik Jilid.

Selepas itu, Hajah Paiza dan Puan Mariana telah di bawa melawat ke aras 2. Di aras ini, keduanya dibawa melawat ke Jabatan Perpustakaan Digital, kaunter PTAR dan Galeri PTAR. Ts. Haji Azizi Jantan turut meluangkan masa beramah mesra dan berkongsi inisiatif-inisiatif terkini PTAR yang telah dilaksanakan.

Di aras 3 pula, Puan Mariana telah dibawa melawat sekitar ruang koleksi khas yang menempatkan kemudahan piano, koleksi terkini terbitan bersiri dan koleksi permainan berpapan seperti permainan catur dan permainan dam. Beliau turut mengimbau memori sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pustakawan.

Di akhir lawatan, Hajah Paiza dan Puan Mariana menzahirkan penghargaan kepada PTAR kerana sudi mengiringi beliau melawat persekitaran PTAR. Sebagai tanda kenangan, PTAR telah menyerahkan cenderamata PTAR berupa tanda nama PTAR.

